

09 SEP 2002

CHUA-CHINA/I

JANGAN ANGGAP KEMASUKAN CHINA KE DALAM WTO SEBAGAI ANCAMAN, KATA CHUA

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Pengeluar-pengeluar Malaysia, terutamanya industri-industri kecil dan sederhana (IKS), tidak harus melihat kemasukan Cina ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) sebagai ancaman, kata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

Sebaliknya, kemasukan itu boleh mengujudkan peluang perniagaan yang besar bagi para peniaga Malaysia, katanya, yang juga pengerusi Pusat Perundingan IKS Kebangsaan.

Di dalam aspek ini, Malaysia juga boleh menjadi rakan kongsi yang dinamik, katanya pada persidangan akhbar mengenai Persidangan Ekonomi Malaysia-China 2002, di sini hari ini.

Chua berkata bahawa banyak melihat kemasukan China ke dalam WTO sebagai satu ancaman kepada peniaga-peniaga Malaysia, memandangkan China menawarkan kos pengeluaran yang rendah dan mempunyai pasaran domestik yang besar, yang telah menarik pelaburan asing yang besar.

Syarikat-syarikat antarabangsa kini menempatkan semula ke China dan ini telah mengujudkan masalah bagi ekonomi-ekonomi Asia Tenggara, katanya.

Tetapi kekayaan yang baru diperolehi China juga akan mengujudkan pasaran yang besar dan permintaan bagi barangan dan bahan-bahan mentah.

Sementara itu, katanya bahawa persidangan itu yang dianjurkan oleh Pusat Perundingan IKS Kebangsaan, akan mengadakan peluang yang tepat masanya bagi masyarakat perniagaan Malaysia, terutamanya IKS, untuk berunding mengenai kesan dan prospek kemasukan China ke dalam WTO.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menyampaikan ucapamanya dan merasmikan persidangan sehari itu pada 8 Okt.

Sementara itu, pengarah eksekutif FACB Industries Incorporated Bhd, Chua Tiam Wee, berkata bahawa China boleh menjadi "pasaran tunggal terbesar kita, misalnya dalam pengeluaran keluli tanpa karat, China kini adalah pelanggan terbesar mengatasi Jepun dan AS."

Tiam Wee, yang juga pengerusi jawatankuasa kerja persidangan, berkata bahawa persidangan itu mensasarkan peserta-peserta daripada IKS kerana mereka adalah kalangan sektor ekonomi di negara ini yang terjejas oleh kemunculan China sebagai kuasa ekonomi terbesar dunia.

Katanya bahawa kemasukan China ke dalam WTO akan menyaksikan banyak syarikat antarabangsa menempatkan semula perniagaan mereka ke China dan ini akan mengujudkan banyak peluang bagi IKS untuk membekal barangan dan bahan mentah kepada syarikat antarabangsa itu.

Persidangan itu dijangka menarik 1,000 peserta terutamanya daripada masyarakat perniagaan. -- BERNAMA

FA FR OS